



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

19 Julai 2020

1. Jaguh ayam kampung organik; Metro Ahad

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 19 Julai 2020

Media Cetak/Elektronik	Metro Ahad	Catatan:
Ruangan	Xpresi AGRO	
M/Surat	29	
Perkara	Usahawan	

AGRO

Oleh Muhaamad Razis Ismail
razis@hmetro.com.my

Seawal jam 6 pagi, dia sudah ke reban ayam miliknya berhampiran kediaman di Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan.

Pada usia 26 tahun, Mohamad Firdaus Hashim tidak kekok membersihkan najis di reban yang menempatkan 2,400 ayam. Bukan itu saja, dia juga perlu pastikan ternakannya sentiasa sihat dan makanan mencukupi.

Perkara sama dilakukan tiga lali sehari untuk memastkan ayam yang dipelihara secara komersial sentiasa dalam keadaan baik.

Rutin harian itu perlu dilakukan Firdaus sejak tahun lalu.

Bagaimanapun, dia tidak pernah merungut dengan pekerjaan yang dianggap kurang popular bagi segelintir orang kerana minat mendalam terhadap bidang penternakan.

Kini, selepas setahun, dia sudah mampu tersenyum dengan usahanya apabila menjadi antara penternak muda ayam kampung organik paling berjaya dan disegani di negeri Cik Siti Wan Kembang itu.

Katanya, selepas menamatkan persekolahan, dia melakan pelbagai pekerjaan termasuk menjadi juruual dan penghantar surat di Kuala Lumpur untuk menyara hidup.

Namun, dek minat mendalam terhadap bidang ternakan, dia membuat keputusan menjadikannya kerjaya sepenuhnya secara

JAGUH AYAM KAMPUNG ORGANIK

Selepas setahun, Firdaus jadi antara penternak muda ayam kampung organik paling berjaya di Kelantan



ANAK ayam ditempatkan di reban berasingan

Ayam ini juga tidak disuntik untuk mempercepatkan tumbesarnya, malah ia juga tidak mudah terkena jangkitan penyakit
FIRDAUS



HASHIM (kiri) memberi galakan dan tunjuk ajar kepada Firdaus untuk menceburi bidang penternakan

komersial.

"Saya banyak belajar daripada ayah, Hashim Sulaiman, 56, yang turut mengusahakan ternakan sama sejak lapan tahun lalu untuk menyara keluarga.

"Alhamdulillah, kini saya sudah mampu mengendalikan sendiri ternakan dengan bantuan ayah dan adik," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Menurutnya, sebelum mula terabit dengan bidang ternakan dia menyertai kursus penternakan ayam di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Melaka dengan bantuan Pertubuhan Peladang Kawasan Tumpat.

"Selama seminggu di sana, saya diajar selok-belok mengenai penternakan ayam. Saya juga menerima geran berjumlah RM20,000 menerusi Program

Agropreneur Muda yang digunakan untuk membina reban," katanya. Jelasnya, sehingga kini ayam kampung organik mendapat permintaan sangat tinggi sehingga tidak dapat menampung bekalan sedia ada di Kelantan.

"Kini saya memiliki dua reban untuk memastikan bekalan ayam tidak putus. Untuk reban pertama saya tempatkan ayam berusia 14 hari manakala satu lagi reban saya letakkan baka ayam berusia tiga hingga empat hari.

"Pada masa hadapan sekiranya dapat bantuan daripada pihak berkaitan, saya ingin membina reban tambahan untuk menambah jumlah

ternakan yang sedia ada," katanya.

Ditanya mengenai kelebihan ayam organik, anak sulung daripada enam beradik ini berkata, haiwan itu hanya mengambil masa 40 hari untuk matang sebelum boleh dijual kepada pembekal.

"Selain itu, ayam ini juga tidak disuntik untuk mempercepatkan tumbesarnya, malah ia juga tidak mudah terkena jangkitan penyakit sekali gus dapat mengurangkan risiko kerugian," katanya.

Katanya, setiap hari dia perlu memastikan ternakan sentiasa sihat untuk mengelak jangkitan terhadap ayam lain.

"Biasanya saya akan periksa reban tiga kali sehari dan ayam mengalami gejala simptom akan terus diasingkan," katanya.

Beliau berkata, golongan muda kini perlu mengubah minda dengan menjadikan pertanian atau penternakan sebagai kerjaya pilihan kerana ia menawarkan pendapatan lumayan.

"Dalam keadaan mencabar ini, kita tidak boleh terlalu memilih kerja malah perlu berani mengambil risiko keluar daripada zon selesa dengan meneroka bidang lain.

"Sebagai contoh, dalam bidang penternakan dan pertanian kini mendapat permintaan yang tinggi dalam menyumbang kepada industri makanan negara sekali gus dapat membantu mengurangkan kebergantungan terhadap barangan import," katanya



REBAN perlu sentiasa bersih untuk elak jangkitan penyakit



BAKA anak ayam yang berusia tiga hingga empat hari diambil daripada pembekal